

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 JUNE 2017

Gesa tampil beri penjelasan pemilikan sebenar Proton

KUALA LUMPUR 31 Mei - Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu tampil segera memberi penjelasan kepada orang ramai sama ada beliau merupakan pemilik sebenar Proton Holdings Bhd. (Proton).

Ketua Penerangan Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Rosni Zahari berkata, bekas Perdana Menteri itu perlu memberi penjelasan terperinci kepada rakyat ekoran kelantangan menentang kerjasama antara Proton dan syarikat China, Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd., (Geely).

Dalam perkembangan yang sama, katanya, pemilik Proton melalui Kumpulan DRB-Hicom Berhad (DRB-Hicom), Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary juga harus menjawab sama ada beliau hanyalah seorang proksi.

"Persoalan ini timbul apabila Dr. Mahathir menolak secara terbuka isu pembelian 49.9



ROSNI ZAHARI

ekuti Proton.

"Jika Syed Mokhtar pemilik Proton dan bukan seorang proksi, sudah tentu beliau akan menyokong dan mempertahankan kerjasama antara Proton dan Geely," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semalam, bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim mempersoalkan reaksi luar biasa Dr. Mahathir yang dilihat seolah-olah mempunyai kepentingan dalam syarikat pengeluar kereta nasional itu.

Pada 25 Mei lalu, DRB-Hicom dan Geely mencapai persetujuan dengan Geely bagi membolehkan syarikat tersebut membeli 49.9 peratus saham Proton.

Kedua-dua syarikat terbabit menandatangani perjanjian yang disaksikan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Tun M ada kepentingan dalam Proton?

KUALA LUMPUR 30 Mei - Reaksi Tun Dr. Mahathir Mohamad berkenaan soal kerjasama Proton Holdings Bhd. (Proton) dengan syarikat China, Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd., (Geely) amat luar biasa seolah-olah bekas Perdana Menteri itu mempunyai kepentingan di dalam Proton.

Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku

